

Headline	Bantu teroka pasaran durian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	42	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	410 cm ²
Journalist	NORSHAHZURA MAT ZUKI	AdValue	RM 8,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,076



Bantu teroka pasaran durian

Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 platform terbaik buat pemain industri

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 yang diadakan selama tiga hari bermula dari 12 Julai hingga 14 Julai lalu menjadi platform terbaik bagi pekebun dan syarikat peneraju produk berasaskan durian memperkenalkan produk mereka dalam pasaran yang lebih luas.

Pengarah festival, Tan Ban Keat berkata, festival buat kali kedua yang dianjurkan di Bangi Golf Resort, Bangi Selangor itu disertai oleh 50 peserta melibatkan pekebun dan pelbagai syarikat menghasilkan produk berasaskan durian dari seluruh negara.



Salahuddin (tengah) melihat durian pada Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019 di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Menurutnya, pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang berlangsung festival itu seperti pameran teknologi pertanian,

Kejohanan Dunia Durian Edisi Malaysia, Larian Durian dan Fiesta Durian

"Saya harap festival ini mem-

berikan peluang kepada pekebun dan peserta untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai durian," katanya pada

Festival dan Anugerah Durian Bangi Golf Resort 2019, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Festival dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Hadir sama, Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Ban Keat berkata, beliau yakin usaha kerajaan menjadikan durian sebagai salah satu industri di bawah sumber kekayaan baharu akan memacu potensi dan merangsang pertumbuhannya dalam pasaran tempatan dan global.

Sementara itu, Salahuddin berkata, penganjuran festival dan anugerah durian secara sistematik merupakan satu perkara yang mampu memartabatkan lagi produk berasaskan durian.

"Inisiatif pihak swasta dalam menganjurkan festival dan anugerah sebegini amat dihargai.

"Kita tahu durian ialah satu komoditi yang berharga dan mengumpulkan segalanya berkaitan durian di satu tempat adalah langkah terbaik," katanya.